

KENYATAAN MEDIA

SWM KASIH SEMARAKKAN RAMADAN DENGAN MENYANTUNI PERTUBUHAN ANAK YATIM & MISKIN PEREMPUAN MAWARKU

SEREMBAN, 19 APRIL 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menerusi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menyemarakkan bulan Ramadan tahun ini dengan menyantuni golongan anak-anak yatim dari Pertubuhan Anak Yatim & Miskin Perempuan Mawarku Seremban, hari ini.

“Dengan mengambil semangat kemuliaan Ramadan, pihak syarikat telah melaksanakan program SWM Kasih Santun Ramadan dengan memberi sokongan dan bantuan kepada penghuni-penghuni di rumah kebajikan. Selain itu, program yang dilaksanakan secara tahunan ini turut memfokuskan kepada usaha membantu golongan yang memerlukan terutamanya anak-anak yatim dan asnaf.” Kata Pengurus Besar Korporat, SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambah beliau, SWM Environment melalui entiti SWM Kasih sentiasa prihatin dengan nasib golongan yang kurang berkemampuan seperti anak-anak yatim, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal terutamanya semasa musim perayaan. Pihak syarikat akan meneruskan program khidmat masyarakat bagi memberikan keceriaan dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat di Malaysia.

Selain menerima sumbangan berbentuk barangan keperluan harian dan peralatan tulis, Pertubuhan Anak Yatim & Miskin Perempuan Mawarku turut menerima sumbangan sebanyak RM1,000 bagi membantu meringankan beban pengurusan persatuan tersebut.

Dalam program yang sama, Pertubuhan Anak Yatim & Miskin Perempuan Mawarku turut didaftarkan di bawah program galakan kitar semula berganjaran KITAREcycle. Menerusi program KITAREcycle, pihak pertubuhan boleh melaksanakan aktiviti kitar semula dan mengumpul mata ganjaran yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian terus ke dalam bank akaun pusat jagaan tersebut. Selain itu, wang yang dikumpulkan boleh digunakan untuk meringankan kos pengoperasian pusat jagaan.

Orang ramai turut digalakkan untuk menghantar barangan yang boleh dikitar semula ke pusat jagaan dan menjadikannya sebagai aktiviti infaq bagi membantu menambahkan pengumpulan mata ganjaran kitar semula oleh pusat jagaan tersebut.

Sepanjang bulan Ramadan ini, bermula 1 hingga 30 April 2022, orang ramai yang mendaftar sebagai ahli KITAREcycle dan menghantar barangan kitar semula tertinggi berpeluang untuk



menerima tambahan 2,500 mata ganjaran kitar semula (RP). Kempen ini terbuka kepada ahli individu, kumpulan, organisasi, sekolah, institusi pengajian tinggi awam & swasta dan lain-lain. Pemenang akan dipilih selepas kempen promosi tamat.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITAREcycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITAREcycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITAREcycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib



SWM ENVIRONMENT

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com